



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

11 APRIL 2023 (SELASA)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR (KPDN)

11 APRIL 2023 (SELASA)

KPDN nafi harga daging import naik

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menafikan dakwaan peningkatan harga daging import membabitkan lembu dan kerbau.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata harga daging lembu import kekal antara RM18 hingga RM22 sekilogram mengikut gred daging.

Katanya, peningkatan harga itu berlaku pada daging lembu tempatan yang tidak dikawal oleh kerajaan, berikutan permintaan tinggi daripada pengguna.

"Pengguna khususnya di utara, tidak makan daging kotak sebaliknya memilih daging lembu tempatan. Jadi, pasarannya memang ada.

"Sekiranya peniaga mengambil kesempatan menaikkan harga, orang ramai boleh buat laporan kepada KPDN.

"Rabu ini (esok), KPDN akan umumkan 30 senarai barang keperluan rakyat di bawah Skim Kawalan Harga Musim Perayaan," katanya di sini, semalam.

Terdahulu, beliau merasmikan Majlis Penyerahan Bakul Rahmah sumbangan 99 Speed Mart Sdn Bhd bernilai RM1 juta, iaitu bersamaan dengan 20,000 Bakul



Salahuddin pada Majlis Penyerahan Bakul Rahmah sumbangan 99 Speed Mart di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

Rahmah untuk diedarkan kepada golongan sasaran.

Salahuddin menegaskan, harga barang keperluan asas yang dikawal oleh KPDN tidak pernah naik.

"KPDN tidak akan bertolak ansur dan tindakan akan dikenakan kerana ia menyusahkan rakyat," katanya.

Mengenai Bakul Rahmah, beliau berkata, kementeriaannya menyasarkan agihan untuk 130,000 isi rumah miskin tegar pada Julai ini.

"Buat masa ini, sebanyak 80,000 Bakul Rahmah berjaya dikumpul dengan rakan strategik dan berharap dapat diagihkan sebelum Aidilfitri ini," katanya.

KPDN rampas pelbagai jenis beg tangan tiruan bernilai RM1 juta

KLANG - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Selangor merampas 10,000 unit beg tiruan bernilai RM1 juta menerusi serbuan di stor simpanan dan sebuah premis jualan yang beroperasi di dalam pasar raya di sekitar Klang di sini pada Isnin.

Pengarahnya, Mohd Zuhairi bin Mat Radey berkata, serbuan dijalankan kira-kira jam 1 petang itu berdasarkan risikan yang dijalankan pihaknya sejak dua minggu lalu berkaitan aktiviti yang dijalankan.

"Serbuan dijalankan turut menahan empat lelaki warga tempatan berumur antara 18 hingga 38 tahun dipercayai terlibat dalam kegiatan menjual barangan tiruan tersebut.

"Serbuan kemudiannya menemukan 10,000 unit pelbagai jenis beg tangan yang terdiri daripada 12 jenama, kesemua beg tangan ini dipercayai tiruan," katanya menerusi kenyataan pada Isnin.

Menurut beliau, siasatan mendapati premis yang diserbu ini telah beroperasi sejak tiga bulan lalu.

"Serbuan ini merupakan antara serbuan terbesar bagi ta-



KPDN Selangor merampas 10,000 unit beg tiruan menerusi serbuan di stor simpanan dan sebuah premis jualan yang beroperasi di dalam pasar raya di sekitar Klang, pada Isnin.

hun ini dan tindakan diambil di bawah Akta Cap Dagangan 2019.

"Kesemua beg tiruan yang dirampas ini disita di bawah pengurusan ekshibit KPDN Selangor sepanjang siasatan berjalan," katanya.

Mohd Zuhairi menegaskan bahawa tindakan penguatkuasaan melibatkan barangan tiruan akan terus dilaksanakan mengikut perundangan yang diperuntukkan.

"Pemilik bangunan yang

ingin menyewakan premis milik mereka kepada mana-mana pihak harus memastikan penyewa tidak terlibat dengan sebarang aktiviti yang melanggar peruntukan di bawah Akta Cap Dagangan 2019 atau mana-mana perundangan yang dikuatkuasakan di bawah KPDN.

"Tindakan penguatkuasaan melibatkan perlindungan harta intelek akan terus digiatkan kerana merupakan satu kepentingan awam yang perlu diselia dan dijaga," katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

MEDIA ONLINE (KPDN)

11 APRIL 2023 (SELASA)

BERITA ONLINE BERTARIKH 11 APRIL 2023

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
11-Apr	Potong kuota diesel, harga ikan naik	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/potong-kuota-diesel-harga-ikan-naik-mendadak/	UM
11-Apr	Coca-Cola kongsi keceriaan bersama komuniti	https://www.sinarharian.com.my/	SH
11-Apr	OP TIRIS KPDN Perlis Sita 26,000 Liter Diesel	https://youtu.be/cXIpPGKhmhg	MALAYSIAGAZETTE
11-Apr	KPDN sasar 130,000 Bakul Rahmah dalam Fasa 2	https://www.kosmo.com.my/2023/04/10/kpdn-sasar-130000-bakul-rahmah-dalam-fasa-2/	KOSMO
11-Apr	KPDN sasar agih 130,000 Bakul Rahmah menjelang Julai ini – Salahuddin	https://malaysiagazette.com/2023/04/10/kpdn-sasar-agih-130000-bakul-rahmah-menjelang-julai-ini-salahuddin/	MALAYSIAGAZETTE
11-Apr	20,000 food baskets worth RM1mil for B10 families	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/04/11/20000-food-baskets-worth-rm1mil-for-b10-families	THESTAR
11-Apr	Salahuddin 'Flag Off' Sumbangan Bakul Rahmah 99 Speedmart	https://malaysiagazette.com/2023/04/10/salahuddin-flag-off-sumbangan-bakul-rahmah-99-speedmart/	MALAYSIAGAZETTE
11-Apr	Salahuddin : No increase in meat prices	https://www.thesundaily.my/local/salahuddin-no-increase-in-meat-prices-PM10853963	THESUNDAILY
11-Apr	KPDN nafi berlaku kenaikan harga daging import	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-nafi-berlaku-kenaikan-harga-daging-import-414875%3famp=1	ASTROAWANI
11-Apr	KPDN nafi harga daging import naik	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/253855	SH

11-Apr	KPDN nafi berlaku kenaikan harga daging import	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2180494	BERNAMA
11-Apr	KPDN nafi berlaku kenaikan harga daging import	https://mediavariasi.com/2023/04/kpdn-nafi-berlaku-kenaikan-harga-daging-import/	MEDIAVARIASI
11-Apr	No increase in meat prices, says Minister	https://selangorjournal.my/2023/04/no-increase-in-meat-prices-says-minister/	SELANGORJOURNAL
11-Apr	No increase in meat prices, says Minister	https://bernama.com/en/news.php?id=2180498	BERNAMA
11-Apr	No price increase in imported meat reported	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/04/10/no-price-increase-in-imported-meat-reported/	FMT
11-Apr	No increase in meat prices - Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/nation/2023/04/898250/no-increase-meat-prices-salahuddin	NST
11-Apr	Salahuddin: No increase in meat prices	https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/04/10/salahuddin-no-increase-in-meat-prices/64129	MALAYMAIL
11-Apr	Fake designer bags worth RM1 million seized in Klang	https://www.thesundaily.my/local/fake-designer-bags-worth-rm1-million-seized-in-klang-OM10853409	THESUNDAILY
11-Apr	KPDN Selangor rampas beg disyaki jenama tiruan bernilai RM1 juta	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/04/1088268/kpdn-selangor-rampas-beg-disyaki-jenama-tiruan-bernilai-rm1-juta	BH
11-Apr	KPDN Selangor rampas 10,000 beg tangan tiruan berjenama	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-selangor-rampas-10-000-beg-tangan-tiruan-berjenama-414845%3famp=1	ASTROAWANI

11-Apr	KPDN s'ngor rampas 10,000 beg tangan tiruan berjenama	https://www.thesundaily.my/cerita/berita/kpdn-s-ngor-rampas-10000-beg-tangan-tiruan-berjenama-BM10853046	THESUNDAILY
11-Apr	KPDN Selangor rampas beg tangan tiruan	https://www.freemalaysiatoday.com/category/tag/kpdn-selangor/	FMT
11-Apr	Rampas beg tangan palsu bernilai RM1 juta	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/04/955330/rampas-beg-tangan-palsu-bernilai-rm1-juta	HM
11-Apr	Fake designer bags worth RM1 million seized in Klang	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/crime-courts/2023/04/898213/fake-designer-bags-worth-rm1-million-seized-klang	NST
11-Apr	Premis simpan jual beg tangan tiruan RM1 juta digempur	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/premis-simpan-jual-beg-tangan-tiruan-rm1-juta-digempur/	UM
11-Apr	KPDN Selangor rampas 10,000 beg tangan tiruan berjenama	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2180427	BERNAMA
11-Apr	KPDN Rampas 10,000 Beg Tangan	https://youtu.be/zo2aXGKsflc	BULETINTV3
11-Apr	Ada Isu Bila Beli Baju Raya "Online"? Ini Cara Nak Buat Aduan Kepada KPDN	https://siakapkelimya.com/2023/04/11/ada-isu-bila-beli-baju-raya-online-ini-cara-nak-buat-aduan-kepada-kpdn/	SIAKAPKELI
11-Apr	Dua lelaki diberkas cuba seleweng diesel	https://www.kosmo.com.my/2023/04/10/dua-lelaki-diberkas-cuba-seleweng-diesel/	KOSMO
11-Apr	Home Appliances With Rahmah Prices?! Now It's COURTS Malaysia's Turn to Join the Rahmah Campaign!	https://worldofbuzz.com/home-appliances-with-rahmah-prices-now-its-courts-malysias-turn-to-join-the-rahmah-campaign/	WORLDOFBUZZ